

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **Dato'Hasbullah
bin Osman
[Gerik]**

SOALAN:

Dato'Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan musim tengkujuh kali ini dijangka akan lebih teruk berbanding sebelumnya kerana Malaysia akan terima taburan hujan sehingga hampir 40% lebih tinggi dari sebelumnya. Apakah persediaan awal yang diambil Kerajaan dalam menghadapi bencana ini terutamanya di kawasan–kawasan yang dijangka mengalami banjir.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menghadapi banjir monsun pada akhir tahun ini dan awal tahun hadapan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengamalkan pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dengan mengguna pakai kedua-dua kaedah struktur dan bukan struktur dalam mengurangkan risiko banjir dan kesan negatif banjir di seluruh negara.

Kaedah struktur memberi penumpuan kepada kerja-kerja meningkatkan keupayaan aliran sungai seperti membersih, mengeruk dan menguatkan tebing sungai.

Manakala, kaedah bukan struktur pula merupakan langkah-langkah pengurusan dan kesedaran awam seperti pengurusan bersepadu untuk sumber air, lembangan sungai, pantai dan banjir, penyediaan dan peningkatan sistem ramalan & amaran banjir, penyediaan peta banjir dan garis panduan.

JPS juga telah meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi banjir dengan memastikan semua stesen pemantauan dan ramalan banjir berfungsi dengan baik. Terdapat sebanyak 468 stesen hujan dan aras air di seluruh negara telah dibangunkan manakala sejumlah 438 siren amaran awal banjir telah dibina di kawasan yang sering dilanda banjir.

Bagi meningkatkan hebahan maklumat amaran dan ramalan banjir, laman web *publicinfobanjir* telah dibangunkan dan ianya berfungsi bagi memaparkan situasi hujan dan aras air di seluruh negara. Maklumat berkenaan kejadian banjir yang berlaku juga dapat diperolehi daripada laman sesawang tersebut.

Sekian, terima kasih.